

08 MAR 2001

KIT SIANG MINTA PENDIRIAN KABINET MENGENAI TALIBAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Pengerusi DAP Lim Kit Siang hari ini bertanya kenapa Kabinet pada mesyuaratnya semalam gagal membuat pendirian terhadap tindakan Taliban memusnahkan patung-patung Buddha di Afghanistan tanpa menyedari mesyuarat kabinet tidak diadakan semalam.

Seorang pembantu kanan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa Kabinet tidak mengadakan mesyuarat mingguannya di Putrajaya semalam.

Dalam satu kenyataan, Lim berkata menteri-menteri Kabinet patut memberi penjelasan "kenapa Kabinet pada mesyuaratnya semalam gagal membuat pendirian terhadap tindakan Taliban memusnahkan patung-patung purba Buddha".

Katanya Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang juga Presiden Gerakan, patut menjelaskan kenapa bantahan kuat mereka terhadap tindakan Taliban itu tidak dinyatakan melalui pendirian kukuh Kabinet.

-- BERNAMA

ES ES RHM RON